

Ekonomi

Pansar Berhad isytihar dividen 1.5 sen sesaham

Oleh Reno Benjamin

SIBU: Pansar Berhad mengisytiharkan dividen sebanyak 1.5 sen sesaham bagi saham biasa untuk Tahun Kewangan Berakhir (TKB) pada 31 Mac 2018, pada Mesyuarat Agung Tahunan 2018 yang telah diadakan kelmarin.

Syarikat melaporkan peningkatan prestasi yang ketara walaupun persekitaran pasaran yang begitu menuntut persaingan dalam sektor yang telah lama diceburi.

Perolehan untuk TKB pada 31 Mac 2018 adalah RM386.5 juta, meningkat sebanyak RM 27.6 juta atau 7.7 peratus daripada RM358.9 juta yang diperolehi pada Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Mac 2017.

Pendapatan bersih untuk TKB pada 31 Mac 2018 adalah RM8.7 juta, peningkatan sebanyak 79.2 peratus berbanding RM4.9 juta yang dihasilkan pada TKB pada 31 Mac 2017.

Pendapatan sesaham untuk TKB pada 31 Mac 2018 adalah 3.08 sen berbanding 1.74 sen pada TKB pada 31

Mac 2017.

“Keuntungan kasar meningkat kepada RM50.1 juta, peningkatan sebanyak RM0.9 juta, walaupun terdapat tekanan daripada margin kasar yang rendah disebabkan persaingan yang sengit,” ujar Pengerusi Pansar Berhad, Dato James Tai.

Secara individu, dalam TKB pada 31 Mac 2018 katanya, bahagian produk untuk pembinaan sekali lagi muncul sebagai penjana hasil yang teratas dan bahagian marin dan perindustrian merupakan penyumbang utama keuntungan kasar.

“Penghasilan untuk kedua-dua bahagian Kejuruteraan agro dan bahagian elektrik dan automasi menyusut, sementara tahun ini merupakan tahun cemerlang untuk bahagian mekanikal dan elektrik dimana terdapat peningkatan hasil sebanyak 59.4 peratus,” jelasnya.

Inisiatif untuk memacu pertumbuhan pada masa hadapan, James menghuraikan syarikat bercadang meneroka bidang jentera dan peralatan

berat, dimana kumpulan syarikat sememangnya telah bertapak dalam sektor pembinaan dan perladangan.

“Dengan melihat kepada prestasi yang berkembang daripada kedua-dua sektor ini, sewajarnya dengan penerokaan dalam bidang jentera dan peralatan berat ini, Pansar menjangkakan sumbangan yang lebih kukuh untuk tahun kewangan yang berikutnya.

“Tatkala menghadapi kesukaran dalam lanskap ekonomi global, dorongan kepelbagaian dalam komposisi perniagaan haruslah diperjuangkan untuk memantapkan kedudukan kumpulan pada masa hadapan,” ujar James.

Pansar merupakan syarikat perniagaan yang menyediakan penyelesaian kejuruteraan dengan rekod prestasi yang membanggakan selama lebih 50 tahun.

Syarikat turut disenaraikan di bawah kod saham ‘PANSAR’ (8419) dalam bahagian ‘Perdagangan dan Perkhidmatan’ di papan utama Bursa Malaysia.



MESYUARAT: James (duduk tengah) bersama ahli lembaga pengarah syarikat yang lain ketika mesyuarat agung tahunan.